

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 JANUARI 2023
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 16

Harga siling ayam mentah dikaji semula

Ekoran bekalan bahan mentah kembali stabil

Harga siling ayam mentah dikaji semula

Oleh JAMILIAH ABDULLAH

ALOR SETAR – Harga siling ayam akan dikaji semula dalam masa dekat selepas bekalan bahan mentah kembali pulih ketika ini,

Kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub, langkah itu adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk menangani isu kos sara hidup rakyat.

"Harga siling ayam standard setakat ini kekal RM9.40 tetapi saya melihat di seluruh negara ketika ini ada syarikat bermurah hati jual di bawah harga itu. Ada yang jual RM7.90 dan ada RM8.90 sekilogram (kg).

"Kerajaan sedang kaji balik (harga siling), cuma tunggu masa sahaja. Itu juga akan nanti bantu rakyat, Insya-Allah untuk dapatkan harga ayam yang lebih stabil kelak. Itu kita tengok nanti," katanya dalam sidang akhbar selepas mengadakan lawatan ke Pusat Jualan Ayam Bismi di Simpang Empat dekat sini semalam.

Kerajaan menetapkan harga siling bagi ayam standard di pasaran pada RM9.40 sekilogram pada Ogos tahun lepas.

Mengulas lanjut kata beliau, kementerian fokus untuk menangani isu kenaikan harga terutama bahan mentah di pasaran dengan mengadakan kerjasama dengan pemain utama termasuk



SALAHUDDIN (tengah) meninjau harga ayam ketika mengadakan lawatan ke Pusat Jualan Ayam Bismi di Simpang Empat Alor Setar semalam.

di peringkat pengeluaran dan pembekal.

"Dalam masa sebulan ini, memang saya mengadakan perjumpaan dengan pihak pembekal dan juga pihak yang menjual barang ini di peringkat pasar raya.

"Selepas ini saya akan cuba pergi lebih jauh iaitu untuk pergi kepada pemain sebenar. Ada empat syarikat besar yang akan saya umumkan nanti. Saya akan terus

kepada mereka," katanya.

Tambah beliau, kerjasama dengan pemain utama juga diharap menjadi jalan penyelesaian terbaik untuk memastikan harga bahan berkenaan lebih stabil pada masa akan datang.

"Kita cuba mencari satu penyelesaian supaya rantai bahan itu keseluruhannya dapat kita perbaiki dan ini akan memberikan manfaat kepada rakyat," katanya.